

29 MAY 2002

MAHATHIR-HARTANAH/I

KERAJAAN GALAKKAN R&D UNTUK HASILKAN BAHAN PERUMAHAN LEBIH MURAH

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan bahan-bahan binaan yang lebih murah dan teknik-teknik pembinaan yang lebih baik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Ini bertujuan memperbaiki mutu dan keselamatan rumah-rumah dan memastikan ianya mampu dimiliki, katanya semasa meramikan Kongres Dunia Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) 2002 yang berlangsung di sini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan sentiasa menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah kos sederhana dan kos rendah bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Perhatian yang sama juga akan diberikan untuk membina perumahan berkualiti dengan semua kemudahan prasarana yang perlu bagi kegiatan sukan, rekreasi dan kebudayaan, tambah beliau.

Perdana Menteri berkata sektor hartanah negara juga akan menangani agenda yang lebih besar seperti memenuhi keperluan warga tua dan golongan tidak berupaya, menghasilkan reka bentuk tenaga yang cekap dan konsep bandar dalam taman.

Penekanan juga akan diberikan untuk penyenggaraan bangunan tinggi, katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga melahirkan penghargaan terhadap penglibatan bersama sektor awam dan swasta dalam program perumahan negara yang dianggapnya sebagai satu contoh baik bagi konsep Persyarikatan Malaysia.

Sepanjang Pelan Malaysia Keenam (1991 hingga 1995), pemaju swasta berjaya mencapai sasaran mereka membina 217,000 rumah kos rendah.

Bagaimanapun ketika krisis kewangan Asia pada lewat 1990-an, lebih stok hartanah berlaku dan ia menyebabkan banyak pemaju hartanah yang menemui kegagalan dan memberi ancaman besar kepada bank-bank.

Memandangkan cabaran-cabaran ini, Perdana Menteri berkata usaha-usaha khusus telah dilaksanakan untuk menggalakkan jualan hartanah termasuk pengecualian duti setem kerajaan dan menyatukan semua agensi kerajaan bersama-sama untuk mempercepatkan proses pindahan pemilikan.

Pemaju-pemaju juga bekerjasama dengan menyertai jualan hartanah sehenti dan membawa bersama peguam, pegawai kewangan, rumah pameran dan malahan menawarkan diskaun, katanya.

Sepanjang Pelan Malaysia Ketujuh (1996-2000), sejumlah 859,480 unit rumah telah disiapkan. Daripada jumlah ini, 121,624 unit dibina oleh sektor awam dan 737,856 unit oleh sektor swasta.

Dr Mahathir berkata kerajaan mensasarkan pembinaan 615,000 unit rumah termasuk 312,000 unit yang akan dibina oleh sektor awam dan 303,000 unit oleh sektor swasta dalam Pelan Malaysia Kelapan (2001 hingga 2005).

Perdana Menteri juga merujuk kepada soalan mengenai kawasan setinggan di bandar-bandar dan berkata cabaran bagi kerajaan, perancang bandar dan pemaju adalah bagaimana untuk menyediakan perumahan yang lebih baik dan persekitaran sempurna bagi semua terutama kepada golongan miskin.

Malaysia, katanya, cuba menangani masalah-masalah ini dan dalam usaha tersebut tidak dapat dielak tindakan-tindakan tegas terpaksa diambil.

"Tiada siapa yang suka melihat golongan miskin atau yang tampak seolah-olah miskin dihalau keluar daripada rumah mereka, tidak kira bagaimana selekeh dan kotornya mereka. Tetapi kegagalan untuk membasmi kawasan setinggan di bandar-bandar boleh membawa kepada masalah kesihatan

yang serius, kebakaran, masalah pelanggaran undang-undang dan seringkali terjadi kekacauan dan huru hara," katanya.

Sebelum pembukaan rasmi kongres itu, empat pemaaju hartanah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Kecemerlangan Prix D' bagi kategori masing-masing. Dua daripada mereka adalah dari Malaysia iaitu Sunway Lagoon Resort, Malaysia (kategori liburan) dan Menara Berkembar Petronas, Malaysia (kategori pejabat/perindustrian).

Pemenang lain adalah Gardenville, Singapura (kategori kediaman) dan Kompleks Bangunan di Bandar Pusat Bersejarah Szombathely, Hungary (kategori khusus). -- BERNAMA

AFY SHY ZK